

KENYATAAN MEDIA

23 DISEMBER 2020

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Tambahbaik Sistem Pendawaian Elektrik Surau Madrasah Nurul Iman

Bahau, 23 Disember – Suruhanjaya Tenaga (ST) telah menjalankan kerja-kerja penambahbaikan sistem pendawaian di Surau Madrasah Nurul Iman di sini, di bawah pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat ST menerusi program *Touchpoint*.

Program *Touchpoint* ini dilaksanakan sebagai usaha ST untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang keselamatan elektrik, di mana program ini melibatkan kerja-kerja pemeriksaan pendawaian sedia ada yang telah usang serta penambahbaikan pendawaian yang dilaksanakan oleh kontraktor elektrik berdaftar dengan ST.

Kerja penambahbaikan yang mula dijalankan di Surau Madrasah Nurul Iman pada 19 November 2020 lalu memfokuskan kepada kerja-kerja pendawaian baru dan penambahbaikan sistem pendawaian yang sedia ada. ST turut menukar lampu sedia ada kepada lampu LED yang lebih jimat tenaga, serta menambah bilangan kipas dinding dan kipas siling cekap tenaga dalam memastikan keselesaan orang ramai yang menggunakan surau tersebut.

Pengarah Kawasan ST Negeri Sembilan dan Melaka, Ir Nur Ali Za Omar mengingatkan orang ramai bahawa sistem pendawaian di premis mestilah dipasang berpandukan kepada piawaian teknikal yang telah ditetapkan oleh ST, mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] dan Peraturan – Peraturan Elektrik 1994, supaya keselamatan dapat diutamakan.

Memandangkan negara sedang menghadapi musim tengkujuh sekarang ini, Ir. Nur Ali Za turut memberi peringatan kepada pengguna supaya tidak mendekati talian elektrik yang putus atau jatuh kerana berkemungkinan besar talian tersebut masih lagi mengalirkan elektrik dan boleh mangakibatkan renjatan kepada mana-mana orang yang memegangnya.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjangkau, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

“Orang ramai perlu peka dengan aspek keselamatan elektrik, dan tidak sesekali mengubahsuai sendiri kelengkapan elektrik yang telah rosak akibat ditelenggami air banjir kerana ia mungkin boleh mengakibatkan kemalangan yang tak diingini,” ujar beliau lagi.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlina Mohammad Jais/ Harith Safruddin/ Zairulliati Mali

Unit Promosi & Hubungan Luar

Tel: +603 8870 8753/+603 8870 8661/+6016 3822545 (Harith)/+6013 2183778 (Zairulliati)

Faks: +603 8888 8636

Emel: azlinamj@st.gov.my/ harith@st.gov.my/ zairulliati@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.